

Keputusan Maxis langkah tepat: MSWG

» *Pembayaran dividen berlebihan boleh jejas kewangan syarikat*



**RITA BENOY
BUSHON**

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) mengalu-alukan keputusan Maxis untuk tidak membuat pembayaran dividen daripada pinjaman sebagai satu polisi transformasi syarikat yang berterusan.

Keputusan ini adalah langkah baik memandangkan secara tradisi, dividen dibayar selepas semua kewajipan operasi ditunaikan.

MSWG berharap pemegang saham, termasuk pemegang saham minoriti sedar bahawa meminta dividen yang berlebihan dan di luar kemampuan syarikat, boleh mendatangkan ketegangan kepada kedudukan kewangan syarikat pada masa depan.

Kod Pelabur Institusi yang dilancarkan pada minggu lalu, adalah kod pelabur institusi yang pertama di Asia Tenggara.

MSWG dengan sokongan Suruhanjaya Sekuriti (SC) menerajui secara bersama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); Per-

modalan Nasional Bhd (PNB); Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP); Lembaga Tabung Haji; Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT); Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO); Persatuan Pengurus Aset Malaysia; Persatuan Takaful Malaysia dan Pentadbir Pencen Swasta untuk membentuk kod ini.

Kod itu membawa implikasi besar

“Walaupun penggunaan kod itu secara sukarela, namun pelabur institusi digalakkan menjadi signatori dan menerima pakai prinsip kod itu bagi menunjukkan komitmen mereka dalam menyokong kepentingan benefisiari mereka”

Pengerusi MSWG

kepada pelabur institusi di Malaysia, dengan penumpuan lebih besar kepada isu termasuk penzahiran polisi penyeliaan dan pengawasan syarat pelaburan mereka.

Buat laporan di laman web

Bermula dari tahun 2016, kod itu mengkehendaki mereka membuat laporan di laman web masing-masing atau menerusi laporan tahunan mengenai aplikasi pemakaian prinsip kod berkenaan.

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti (SC) berkata: “Pelabur institusi mempunyai pengaruh untuk meningkatkan tahap tadbir urus korporat di syarikat.”

Katanya, dengan mengambil kira saiz dan tempoh jangka panjang peggangan mereka, hanya pihak berkenaan berada pada kedudukan baik untuk mengawal tahap disiplin pasaran.

Sementara itu, Pengerusi MSWG pula berkata, walaupun penggunaan kod itu adalah secara sukarela, namun pelabur institusi digalakkan menjadi signatori dan menerima pakai prinsip kod itu bagi menunjukkan komitmen mereka dalam menyokong kepentingan benefisiari mereka.

Di sini saya sekali lagi ingin menggesa pelabur institusi yang mengum-

pul dan melabur dana bagi pihak benefisiari masing-masing, khususnya dana penceh岃 sama ada awam atau swasta, untuk menerima pakai prinsip amalan terbaik yang termaktub dalam kod itu.

Akhir sekali, dalam perkara lain saya ingin mengetengahkan satu kes yang mana seorang pengarah syarikat tersenarai gagal menghadiri lebih separuh daripada mesyuarat Lembaga Pengarah dalam tempoh setahun.

Perlu letak jawatan

Menurut peraturan penyenaraian Bursa Malaysia, dalam perkara sebegini pengarah yang terabit perlu meletakkan jawatan sebagai pengarah syarikat.

Kegagalan syarikat meminta pengarah itu meletakkan jawatan bermakna syarikat tidak mematuhi peraturan penyenaraian.

Oleh itu, kami berharap jawatan pengarah itu akan dikosongkan untuk menunjukkan komitmen syarikat terhadap peraturan penyenaraian bursa.

Penulis

ialah Ketua Eksekutif Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Bhd